

# Kuarantin adalah Penting! bagi Penyelenggara Pelancongan

Alam sekitar, flora dan fauna serta gaya hidup yang bebas dan tenang menjadikan Australia negara yang unik dan begitu menarik bagi para pelanggan anda.

Semua ini mungkin berubah dengan kemasukan sejenis perosak atau penyakit baru sahaja.

Australia masih bebas daripada perosak dan penyakit seperti penyakit anjing gila, penyakit kuku dan mulut atau penyakit Newcastle jenis eksotik.

Jika penyakit kuku dan mulut masuk ke Australia, penyakit ini akan memusnahkan industri ternak yang bernilai berbilion dolar bagi ekonomi kami – dan industri pelancongan kami juga akan mengalami akibatnya.

Penyakit Newcastle jenis eksotik dapat memusnahkan burung-burung asli kami, sementara penyakit karat jambu batu dapat memusnahkan pokok eucalyptus asli, lalu mengurangkan jumlah koala – dua ancaman persekitaran yang mempunyai kaitan langsung dengan industri pelancongan.

Australia mula menggunakan sistem denda kuarantin serta-merta untuk menghentikan pelanggaran peraturan kuarantin kami secara terang-terangan. Dakwaan dikenakan oleh AQIS untuk pelanggaran yang serius, tetapi kebanyakan pelancong melanggar peraturan tersebut hanya kerana mereka tidak sedar akan undang-undang kami.

Setiap hari, penerbangan ke Australia menimbulkan pelbagai barang yang terlarang dan tidak dilaporkan. Makanan merupakan hal yang penting, terutamanya daging, hasil tenusu, buah-buahan segar, keluaran yang mengandungi telur dan sayur-sayuran – yang semuanya terlarang, dan kebanyakannya masuk ke Australia kerana para pelancong tidak mengetahui apa yang dapat mereka beli di sini.

## ITO dan agensi pelancongan

Anda dapat melakukan beberapa hal untuk memastikan pelanggan anda mempunyai kunjungan yang tidak bermasalah di Australia.

- beri taklimat kepada kakitangan dan pemandu pelancong supaya mereka dapat memberitahu pelanggan anda tentang peraturan kuarantin. Untuk maklumat lanjut, hubungi AQIS di: [pr@aqis.gov.au](mailto:pr@aqis.gov.au)
- sebagai sebahagian daripada layanan pelanggan, berilah keterangan kepada pelanggan anda mengenai peraturan kuarantin kami semasa mereka memungut tiket mereka
- sertakan lampiran AQIS, *What can't I take into Australia?* (disediakan dalam bahasa Inggeris, Cina, Jepun, Yunani, Itali, Arab, Thai, Vietnam, Indonesia, Jerman dan Korea), dalam setiap pembalut tiket – lampiran dalam bahasa Sepanyol dan Perancis dapat diperolehi secara langsung daripada AQIS.

- mintalah pelanggan anda membaca maklumat ini **sebelum** mereka berkemas
- pesanlah salinan lampiran tersebut dengan mengirimi e-mel kepada: [broflo@broflo.com.au](mailto:broflo@broflo.com.au) atau faks kepada Brochure Flow pada nombor **+61 2 9742 5174**. Lampiran yang dipesan akan dikirim ke pejabat anda dengan percuma. (Pelekat dan poskad peringatan juga disediakan)
- Kad Penumpang Masuk (Incoming Passenger Card – IPC), iaitu suatu dokumen sah, mesti diisi dan ditandatangani oleh setiap penumpang. Kad-kad ini, yang disediakan dalam pesawat terbang (juga disediakan dalam bahasa lain selain daripada bahasa Inggeris) sebelum ketibaan di Australia, meminta agar para penumpang melaporkan barangan yang mungkin mereka bawa.
- beritahu pemandu pelancong bahawa mengisi kad IPC bagi pihak kumpulan mereka mungkin mengakibatkan penangguhan setelah tiba. Pegawai AQIS menghalang semua penumpang untuk memeriksa bagasi mereka.
- galakkan para penumpang agar mengunjungi tapak web AQIS di [www.aqis.gov.au](http://www.aqis.gov.au) untuk maklumat kuarantin dalam bahasa mereka
- perhatikan maklumat mengenai denda serta-merta dan maklumat bagi agensi pelancongan dan bagi para pelajar yang bertujuan menuntut di Australia

## Petunjuk perjalanan bagi pelanggan anda

Mintalah bantuan pelanggan anda untuk melindungi Australia daripada perosak dan penyakit dengan mengikut beberapa petunjuk perjalanan, termasuk:

- membersihkan semua kasut, peralatan berkhemah dan peralatan sukan untuk menghapuskan tanah;
- membuang sebarang makanan terlarang ke dalam tong-tong amnesti yang disediakan pada ketibaan;
- mengemas barang-barang untuk pemeriksaan kuarantin supaya siap ditunjukkan kepada pegawai AQIS pada ketibaan, maka membantu mereka keluar daripada lapangan terbang dengan lebih cepat.

Pengunjung dari kawasan luar bandar di mana-mana negara kecuali Amerika Syarikat, Kanada atau New Zealand, terutamanya mereka yang telah berada di kebun atau berada dekat dengan binatang kebun, digesa agar:

- melaporkan semua pakaian, kasut dan peralatan yang mungkin kotor, untuk pemeriksaan kuarantin;
- membasuh atau mencuci kering semua pakaian yang dibawa ke Australia; dan
- jangan berada dekat dengan binatang kebun (terutamanya binatang dengan kuku berbelah) selama TUJUH hari setelah tiba.



Department of  
AGRICULTURE  
FISHERIES and  
FORESTRY -  
AUSTRALIA



**AQIS**  
AUSTRALIAN QUARANTINE  
AND INSPECTION SERVICE

# Quarantine Matters!

